

Headline **Pesakit HIV rayu bantuan**
Date **13 Oct 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S12**
Article Size **227 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,249**
PRValue **3,746**



Pesakit HIV rayu bantuan

Terpaksa minta derma sara kehidupan

WANGSA MAJU - Seorang ibu tunggal yang juga penghidap penyakit HIV Aids terpaksa meminta derma daripada orang bagi menyara kehidupannya disebabkan tidak mampu bekerja akibat penyakit yang dihidapinya.

Dia dikenali sebagai Yani, 35, berkata, biarpun berdepan dengan cacian dan hinaan namun dia tabahkan hati asalkan cukup mendapat wang bagi mengalaskan perutnya dengan roti memandangkan dia tidak boleh makan nasi termasuk bayaran sewa bilik berjumlah RM150 sebulan.

Katanya, hidupnya berubah setelah suaminya meninggal dunia pada tahun 1996 akibat HIV dan dia pula disahkan mengidap penyakit itu sehingga menyebabkan dia terpaksa berhenti bekerja sebagai pembantu rumah.

"Sebelum ini memang saya bekerja untuk menyara keluarga, namun setelah sakit mana ada orang yang sudi untuk memberi saya pekerjaan tambahan pula keadaan kesihatan saya yang kurang memuaskan.

"Kerana itu saya tebalkan muka meminta derma dengan membawa dokumen daripada pihak hospital agar orang ramai mempercayai dan tidak berasa curiga. Dalam sehari saya mungkin dapat sebanyak RM30," kata ibu kepada dua orang anak.

Menurutnya, dia bukan tidak mahu memohon bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), namun dia merasa seolah-olah tawar hati kerana telah lebih lima kali dia ke JKM Daerah Gombak tetapi tidak layak memohon bantuan bulanan gara-gara tidak mempunyai kad pengenalan.

Bagaimanapun katanya, dia berna-

sib baik kedua-dua anaknya yang berusia 15 dan 14 tahun dijaga keluarga mertuanya di Pulau Pinang sekali gus meringankan beban dan penderitaan yang ditanggungnya.

"Sekarang saya hanya mempunyai surat beranak dan telah pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan kad pengenalan tetapi saya harus membayar denda.

"Disebabkan tidak mempunyai wang saya terpaksa membatalkan hasrat untuk mendapatkan kad pengenalan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Selain mengutip derma di sekitar Gombak dia turut mengutip derma di Kawasan Sentul dan Setapak

Individu yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menziarahinya di Taman Prima selayang atau menghubunginya menerusi talian 012 9702235.



■ Yani menunjukkan salinan surat hospital yang mengesahkan dia mengidap HIV.